

BICENTENNIAL SINGAPURA

Maliki: Pemahaman sejarah boleh dijadi panduan masa depan

▶ **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinaj@sph.com.sg

SELEPAS ketibaan Sir Stamford Raffles pada 1819, terdapat beberapa kejadian yang boleh menjatuhkan Singapura.

Ketika itu, tentera Belanda boleh menyerang dan menghapuskan pulau ini sementara serangan lanun pula berupaya menghalang pedagang daripada berkunjung ke sini.

Malah apabila kuasa wap diperkenalkan, ini juga boleh menyebabkan kapal mengubah laluan mereka sehingga Singapura tidak lagi dianggap penting.

Semasa berucap di pembukaan sidang 'Singapura Before Raffles: Archaeology and the Seas, 400 BCE – 1600 CE' di Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam, Menteri Negara Kanan (Pertahanan merangkap Ehwal Luar), Dr Mohamad Maliki Osman, berkata:

"Pada setiap detik yang penting, Singapura boleh... digantikan dengan pelabuhan lain yang terletak antara Jakarta dengan Pulau Pinang atau Aceh."

Namun, ini tidak berlaku dan sebabnya tidak boleh dikatakan kerana kebijaksanaan satu orang tetapi kumpulan orang.

Merujuk kepada empat patung baru – Sang Nila Utama, Munshi Abdullah, Tan Tock Seng dan Naraina Pillai – yang kini berdiri dekat Sungai Singapura bersebelahan patung ikon Sir Stamford Raffles, Dr Maliki berkata patung itu melambangkan pendatang awal yang tiba pada tahun yang sama dengan Raffles.

Mereka telah sama-sama menyumbang kepada kejayaan Singapura.

Tambahnya, terdapat pengajaran yang boleh diraih daripada sejarah yang boleh menjadi panduan bagi masa akan datang.

"Rangka kerja dan rangkaian lama kini menghadapi tekanan dan idea baru diperlukan bagi menjadikannya lebih cekap dan memastikan ia dapat terus dimanfaatkan.

"Ini merupakan satu contoh di mana pemahaman sejarah yang lebih baik boleh membantu masyarakat sekarang berdiri teguh dengan apa yang mereka yakinkan apabila berdepan dengan kritikan negatif selain memikirkan bagaimana untuk terus menghidupkan nilai yang membuat 'Laluan



RAIH PENGAJARN DARIPADA SEJARAH: Dr Maliki yang berucap di sidang 'Singapura Before Raffles: Archaeology and the Seas, 400 BCE – 1600 CE' berkata berharap lebih ramai orang akan rasa terdorong memahami sejarah dan mengetengahkan pandangan baru bagi membolehkan Singapura bertekad meraih masa depan yang mampu mengukuhkan identitinya sebagai satu rakyat. – Foto-foto BH oleh ONG WEE JIN

Sutera' laut mampu bertahan selama 2,000 tahun," kata Dr Maliki yang juga anggota Jawatankuasa Pemandu Menteri Bicentennial Singapura.

Sidang 'Singapura Before Raffles: Archaeology and the Seas, 400 BCE – 1600 CE' itu dianjurkan Jabatan Pengajian Asia Tenggara Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) NUS dan disokong Lembaga Warisan Negara (NHB), sempena Bicentennial Singapura.

Ini merupakan kali kedua sidang saintifik tentang pelabuhan purba diadakan di Sin-

gapura. Kali pertama ia diadakan adalah pada 2004.

Sidang itu dihadiri sekitar 180 orang termasuk penggubal dasar dan ahli akademik.

Penceramah yang diketengahkan dalam sidang dua hari itu antara lain bercakap tentang ekonomi, teknologi dan konteks sosial perdagangan maritim awal Asia Tenggara serta asal usul dan perkembangan rangkaian maritim di Laut China Selatan dan Teluk Benggala.

Dr Maliki turut berkata beliau berharap

lebih ramai orang akan rasa terdorong memahami sejarah dan mengetengahkan pandangan baru bagi membolehkan Singapura bertekad meraih masa depan yang mampu mengukuhkan identitinya sebagai satu rakyat.

Penganjur sidang itu, Profesor John Miksic, yang juga seorang ahli arkeologi, berkata sidang itu dianjurkan tepat pada masanya sempena Bicentennial Singapura.

Menurutnya, sidang itu antara lain menunjukkan bahawa Singapura mampu

berjaya dahulu kerana orang-orang yang yakin mereka boleh berjaya.

"Singapura menggalak kebebasan untuk berdagang dan penyejagatan ketika itu dan itulah yang diinginkan penduduk yang tinggal di situ dan sekitar Asia Tenggara ketika itu.

"Ini menunjukkan bahawa dengan orang dan dasar yang baik, Singapura mampu terus stabil dan memainkan peranan ini walaupun (negara ini) tidak besar dari segi saiz, jumlah penduduk mahupun sumber," kata Dr Miksic.



RANGKAIAN AWAL MARITIM DI ASIA: Dr Miksic yang menyampaikan ceramah tentang rangkaian awal maritim Asia menarik perhatian bahawa Singapura dan laluan laut berdekatan memainkan peranan penting dalam pembentukan satu rangkaian yang meluas.